

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JANUARI 2024  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 5

### JS-SEZ bentang peluang ekonomi

Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura perkukuh kerjasama dua negara

## JS-SEZ bentang peluang ekonomi

Oleh MOHD. SHARKAWI LONDING dan MOHAMAD FAIZAL HASHIM

**JOHOR BAHRU** – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama rakan sejawatnya, Lee Hsien Loong menyaksikan detik bersejarah majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk mengusahakan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), di sini semalam.

MoU itu ditandatangani oleh Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Singapura (MTD), Gan Kim Yong.

MOU itu dimeratai hanya selepas dua bulan Pemukiman Pemimpin Singapura-Malaysia ke-10 pada Oktober lalu.

Inisiatif itu mengukuhkan lagi hubungan yang telah lama terjalin dan komitmen bersama kedua-dua negara untuk memperkuuhkan kerjasama ekonomi.

Usaha ke arah perjanjian pertama kali mengenai JS-SEZ dan perinciannya akan dilakukan pada Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura ke-11, yang akan diadakan di negara ini.

Sementara itu, Rafizi berkata, JS-SEZ membentangkan peluang



ANWAR (dua dari kanan) serta Hsien Loong (dua dari kiri) selepas menyaksikan majlis menandatangani MoU antara Rafizi (tiga dari kanan) dan Kim Yong (tiga dari kiri) di Johor Bahru semalam. – RAJA JAAFAR ALI

ekonomi yang belum pernah berlaku sebelum ini untuk meningkatkan aliran rentas sempadan membatikan manusia dan barang, memperkuuhkan ekosistem perniagaan dan meningkatkan daya tarikan ekonomi antara Johor dan Singapura.

"Saya yakin bahawa inisiatif JS-SEZ ini adalah menjadi permulaan transformasi dalam hubungan ekonomi dua hala, memupuk hubungan dan kemakmuran yang tiada tandingan bagi

kedua-dua negara," katanya.

Menurut Kim Yong, JS-SEZ menggariskan apa yang boleh dicapai antara Singapura dan Malaysia apabila kedua-dua negara saling melengkapi dan bekerjasama rapat.

"Ia akan menjadi jambatan bagi kedua-dua negara untuk memanfaatkan kekuatan satu sama lain dan merebut peluang untuk berkembang bersama.

"Saya amat menantikan pelaksanaan JS-SEZ ini dan faedah

untuk komuniti perniagaan dan rakyat," katanya.

Selain daripada perjanjian itu, Malaysia dan Singapura juga akan meneroka kerja mengenai beberapa inisiatif yang akan membina ke arah JS-SEZ termasuk pusat perkhidmatan perniagaan/pelaburan senihenti di Johor untuk memudahkan proses permohonan untuk pelbagai kelulusan dan lesen yang diperlukan untuk perniagaan Singapura ditubuhkan di Johor.

Idea perubahan zon itu dicegat oleh Rafizi buat pertama kali selepas pertemuan dengan kerajaan negeri di Iskandar Puteri pada Mei tahun lalu.

Dua bulan selepas itu, kedua-dua negara bersetuju untuk mengorak langkah lebih jauh dengan menubuhkan pasukan petugas khas untuk mengkaji daya maju perubahan zon ekonomi khas tersebut.

Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi dilaporkan berkata, beliau menyambut baik perubahan Zon Ekonomi Khas itu yang akan mengambil contoh usaha pembangunan Zon Ekonomi Shenzhen yang berupaya merekodkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencecah

RM1.93 trillion pada 2021.

Katanya, kerjasama itu akan memperkuuhkan lagi hubungan baik antara Johor dan Singapura untuk kemakmuran dan kemanjauan kedua-dua belah pihak.

Kejayaan zon ekonomi itu boleh membawa kepada pengembangan pesat seperti bandar Shenzhen di China, yang berubah daripada sebuah bandar kecil berpenduduk kira-kira 300,000 orang kepada bandar raya metropolis antarabangsa berteknologi tinggi didiami lebih 17 juta orang selepas empat dekad.

Pada 2022, Johor dilaporkan menerima pelaburan asing bernilai RM70.6 billion dalam pelbagai sektor.

Singapura merupakan pelabur asing kedua terbesar di negeri itu yang menyumbang kira-kira 70 peratus daripada jumlah pelaburan langsung asing (FDI) Johor dalam sektor pembuatan.

Pewujudan zon ekonomi baharu bukan sahaja akan mengukuhkan lagi aktiviti perdagangan dan perniagaan rentas sempadan antara Malaysia dan Singapura, malah mampu mencipta sebagai hab ekonomi utama di rantau Asia.